

Bil. S 40

**AKTA MAHKAMAH-MAHKAMAH RENDAH
(PENGAL 6)**

**Tambahan dalam bidang kuasa
(Di bawah bab 17(5))**

1. Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepada saya oleh bab 17(5) dari Akta Mahkamah-Mahkamah Rendah, dan dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka Ketua Hakim dengan ini menambah bidang kuasa yang ditetapkan oleh bab 17(5) seperti berikut –

- (a) Had bersesuaian yang ditetapkan hendaklah \$50,000 bagi mana-mana orang yang menjadi Majistret dan juga memegang jawatan –

Ketua Pendaftar
Ketua Majistret
Timbalan Ketua Pendaftar
Majistret Kanan
Pendaftar Kanan

- (b) Had bersesuaian yang ditetapkan hendaklah \$30,000 bagi mana-mana orang yang menjadi Majistret dan juga memegang jawatan –

Majistret
Pendaftar

2. Notis Bil. S 34 Tahun 1989, yang disiarkan pada 6hb. Mei, 1989 adalah dibatalkan.

3. Notis ini hendaklah mulai berjalan kuatkuasanya pada 1hb. Januari, 1999.

Diperbuat pada 28 haribulan Oktober, 1998.

DATO SIR DENYS ROBERTS
Ketua Hakim.